

UniMAP CEMERLANG DI NRIC 2009

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mencatatkan kejayaan membanggakan apabila dua produk ciptaan pelajarnya meraih anugerah khas Moto Intention Award dan Best Invention & Innovation Award sumbangan Motorola pada Pertandingan Rekacipta dan Inovasi Kebangsaan (NRIC) 2009 baru-baru ini.

Dua produk itu adalah Roombot - A Housekeeping Robot ciptaan Vivian Tang Sui Lot dan Blind's Man Navigation Robot (ROVI) ciptaan Allan Melvin A\L

Andrew @ Prabu kedua-duanya merupakan pelajar dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik.

Pertandingan yang berlangsung selama tiga hari di Universiti Sains Malaysia itu juga menyaksikan UniMAP memperoleh dua emas, dua perak dan tiga gangsa sekaligus meletakkan UniMAP di tempat kedua di belakang Universiti Teknologi Malaysia. Menurut Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP, Mohd Mustafa Al Bakri

Abdullah, 15 produk yang dihantar untuk bertanding pada NRIC 2009 itu dipilih pada pertandingan penyelidikan dalaman anjuran UniMAP.

"Ini membuktikan produk penyelidikan mahasiswa UniMAP mempunyai kualiti yang tinggi dan mampu untuk dikomersialkan, pihak universiti akan terus berusaha untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan di kalangan mahasiswa,"katanya lagi.